

Najib: ATM dikerah bantu mangsa banjir

Oleh ZAHARUDDIN MD ALI

Abdullah juga telah mengarahkan agar segala bantuan yang perlu disalurkan kepada mangsa banjir disampaikan dengan segera

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

KLUANG 21 Dis. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah dikerah supaya menggunakan lebih banyak aset mereka untuk menyalurkan bantuan makanan dan menjalankan usaha menyelamatkan mangsa banjir di beberapa negeri.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menghubunginya malam tadi untuk menyampaikan rasa prihatin dan sedih kepada mangsa banjir di seluruh negara.

Katanya, Abdullah juga telah mengarahkan agar segala bantuan yang perlu disalurkan kepada mangsa banjir disampaikan dengan segera.

“Beliau berharap semua agensi dan jabatan kerajaan akan bekerjasama pada tahap terbaik bagi memastikan penyaluran bantuan kepada mangsa banjir dengan lancar,” jelas beliau.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke kawasan-kawasan banjir di daerah Kota Tinggi, Segamat dan Kluang di sini, hari ini.

Beliau turut diiringi Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal, ahli-ahli Exco kerajaan negeri serta

para pegawai kanan kerajaan.

Najib berkata, dalam lawatannya itu, beliau mendapati punca utama banjir diakibatkan hujan lebat yang luar biasa secara mendadak antara 17 Disember dan 19 Disember lalu.

Pada 19 Disember, hujan di sesetengah tempat berjumlah sekali ganda daripada jumlah hujan yang turun dalam masa sebulan, katanya.

“Bayangkan jumlah hujan yang sepatutnya turun dalam masa dua bulan turun dalam masa sehari, tentunya ia akan menyebabkan banjir yang dahsyat dan luar biasa.

“Selain itu pada 19 Disember, tidak dapat dinafikan keadaan tidak begitu terurus kerana keadaan luar biasa yang tidak dijangkakan sama sekali.

“Bagaimanapun pada 20 Disember sehingga kini, keadaan telah kembali stabil dan perpindahan serta bekalan selimut dan makanan telah dapat dihantar walaupun masih berlaku sedikit kekurangan di sana sini, tetapi umumnya saya berpuas hati dengan pengurusan perpindahan mangsa banjir,” katanya.

Beliau juga berkata, Menteri Besar Jo-

hor telah mengambil tindakan untuk menyalurkan semua urusan perpindahan mangsa banjir dengan dibantu oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan semua agensi negeri dan Pusat.

Selain itu, jelas beliau, ATM telah diminta menghantar aset tambahan untuk bantuan banjir di Johor.

Pada masa ini, katanya, angkatan tentera telah menghantar 80 buah bot untuk kerja-kerja menyelamatkan dan bercadang untuk mengambil lebih banyak bot dari negeri lain yang tidak dijangka dilanda banjir.

Selain itu, kata Najib, 11 buah helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia digunakan di Johor tidak termasuk milik polis dan bomba yang kesemuanya berjumlah 16 buah beroperasi di negeri ini.

Beliau berkata, ini bermakna mangsa banjir atau bekalan makanan boleh dibawa melalui udara.

Najib berkata, beliau juga mengesan lima buah loji air di Segamat tidak berfungsi berikutan bekalan elektrik terpaksa ditutup kerana berbahaya.

Sehubungan itu, katanya, Tenaga Nasio-

nal Berhad (TNB) telah diminta untuk memulihkan bekalan elektrik atau menghantar generator supaya bekalan air dapat disambung dengan segera.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, Kerajaan Pusat bersedia menambah peruntukan tabung kebajikan jika perlu untuk digunakan bagi membeli makanan dan peralatan yang diperlukan oleh pusat perpindahan.

Beliau juga berharap para pekedai atau pengusaha emporium bekerjasama jika didatangi pihak berkuasa daerah atau negeri yang mahu membeli barangan keperluan.

“Kita akan membayar balik kepada mereka, walaupun kedai itu tidak tersenarai dalam kedai yang akan diambil (beli) barang semasa banjir, sebab kali ini banjir adalah di luar dugaan sama sekali.

“Pada masa yang sama, saya juga mengalu-alukan pihak swasta atau sesiapa yang mahu menghulurkan bantuan, terutama selimut, tikar dan bahan-bahan makanan dan ia boleh disalurkan melalui Biro Keselamatan Negara (BKN) dan Setiausaha Kerajaan Negeri,” jelas beliau.

Najib berkata, bekalan makanan adalah mencukupi cuma di Kota Tinggi, makanan terpaksa diambil dari Kluang.

Katanya, bagaimanapun kerajaan mempunyai kenderaan mencukupi untuk menyalurkan bantuan termasuk makanan ke semua tempat pemindahan.

Mengenai banjir di negeri-negeri lain, Najib berkata, keadaan adalah terkawal.